KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

# GARIS PANDUAN

## PERMOHONAN BAGI PERTIMBANGAN PEMBERIAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI BANDAR (PEKB) DI BAWAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

**BAHAGIAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PERMOHONAN UNTUK PERTIMBANGAN PEMBERIAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI BANDAR (PEKB) DI BAWAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB), KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

---

## 1. PENGENALAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI BANDAR

1.1 Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar iaitu golongan miskin yang tinggal di kawasan bandar supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup keluarga.

1.2 Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang **berdaftar dengan mana-mana Pendaftar atau kuasa undang-undang negara**.

1.3 NGO yang **layak** diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

1.3.1 NGO yang menjalankan program kepada kumpulan sasar Kementerian dan menepati bidang latihan yang telah ditetapkan oleh Kementerian;

1.3.2 NGO yang ditubuhkan secara rasmi, berdaftar, bertaraf tempatan dan diiktiraf oleh KPKT bersesuaian dengan dasar dan kuasa undang-undang negara ini yang berkaitan;

1.3.3 NGO yang tidak berorientasikan keuntungan (*non-profit making*); dan

1.3.4 NGO yang mempunyai perancangan yang konkrit untuk membiayai sendiri program selepas tempoh penerimaan peruntukan.

1.4 NGO yang **tidak layak** diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

1.4.1 tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang Negara;

1.4.2 entiti berdaftar yang mementingkan keuntungan (*profit-oriented);*

1.4.3 Perlembagaan Pertubuhan yang tidak selari untuk bergerak dalam bidang yang sama di bawah bidang tugas KPKT;

1.4.4 pertubuhan politik dan orang perseorangan; dan

1.4.5 telah dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan.

1.5 NGO yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

i. membuat bancian dan pencarian peserta;

ii. melaksanakan kursus kemahiran dan keusahawanan (selama 7 hari) berdasarkan senarai bidang latihan seperti di **Lampiran B**;

iii. membekalkan peralatan perniagaan mengikut bidang kursus yang dihadiri oleh peserta;

iv. menjalankan bimbingan, pemantauan dan bantuan pemasaran kepada peserta selama enam (6) bulan; dan

v. menyedia dan mengemukakan laporan pelaksanaan kursus, pembekalan peralatan dan pemantauan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

## 2. PROSEDUR PERMOHONAN

2.1 Permohonan mestilah menggunakan borang permohonan yang disediakan dan dikeluarkan oleh KPKT seperti di **Lampiran A;**

2.2 Borang permohonan mestilah disertakan dengan:

i. Salinan Perlembagaan atau *Memorandum of Articles* NGO;

ii. Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan;

iii. Laporan Tahunan Aktiviti NGO bagi Tahun 2022 atau terkini;

iv. Laporan Penyata Kewangan Tahun 2022 atau terkini;

v. Penyata Bank (*Bank Statement*) NGO untuk bulan Jun 2023, Julai 2023 dan Ogos 2023;

vi. Kertas kerja yang lengkap dan mengandungi perkara berikut:

a) Keterangan aktiviti / program dan jangkaan faedahnya kepada kumpulan sasar;

b) Anggaran keperluan kewangan dan kos secara terperinci bagi setiap aktiviti / program yang dicadangkan mengikut jadual di bawah;

| Bil. | Butiran | Had Maksimum Seorang Peserta (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Pencarian dan Bancian Peserta | |
| 2. | Kursus PEKB (7 hari 6 malam) | |
| 3. | Elaun Penginapan, Makan Minum, Tambang Menambang dan Wang Saku | |
| 4. | Peralatan Perniagaan | |
| 5. | Caj Pengurusan dan Pemantauan | |
| | **Jumlah bagi seorang peserta (RM)** | |
| | **Jumlah bagi xxx peserta (RM)** | |

c) Kedudukan kewangan terkini dan rancangan masa hadapan untuk meneruskan aktiviti tanpa bantuan tambahan;

d) Keupayaan dan kaedah untuk melaksanakan aktiviti / program, misalnya dari segi organisasi / sumber manusia / jawatankuasa / jentera yang ada;

e) Maklumat mengenai bantuan yang diterima daripada Kementerian / Jabatan lain sekiranya ada; dan

2.3 Bagi NGO yang pernah menerima bantuan daripada KPKT, sila nyatakan tahun, jumlah bantuan yang diterima dan pencapaian pendapatan peserta;

2.4 Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan (secara serahan tangan atau pos) kepada **Bahagian Kesejahteraan Komuniti, Aras 15, KPKT** pada atau sebelum **5 Oktober 2022 (Khamis).** Permohonan yang dihantar / diterima selepas tarikh tutup permohonan akan ditolak;

2.5 Borang permohonan serta dokumen yang tidak lengkap akan ditolak, dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

2.6 NGO dijemput untuk menghadiri sesi taklimat penerangan program dan tatacara permohonan yang akan diadakan secara atas talian **pada 22 September 2023 (jumaat) pada jam 10.00 pagi** melalui pautan aplikasi Zoom seperti berikut:
https://zoom.us/j/97779660804?pwd=d1Z3ZG84ZTFtd3RGU0xaY3hzVXNndz09

2.7 Prosedur selepas permohonan diluluskan:

a. Surat Kelulusan akan dikemukakan kepada NGO bagi memaklumkan bahawa permohonan untuk melaksanakan program telah diluluskan;

b. Perjanjian akan disediakan hanya setelah NGO mengembalikan Surat Kelulusan. Surat Kelulusan perlu dikembalikan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan surat;

c. Perjanjian hendaklah disediakan dalam tiga (3) salinan dan perlu ditandatangani dan diduti setem oleh NGO. Kos duti setem perlu ditanggung oleh NGO berkenaan. Dua (2) salinan Perjanjian perlu dikembalikan semula kepada KPKT dan satu salinan perlu disimpan oleh NGO; dan

d. Peruntukan akan disalurkan dalam beberapa peringkat mengikut kemajuan gerak kerja NGO di lapangan.

2.8 Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan:

| Nama | Telefon | Emel |
|---|---|---|
| Puan Siti Norarsyra binti Mohd Ayob | 03 – 8891 5156 | norarsyra@kpkt.gov.my |
| Encik Shaikh Ali bin Sh. Mansoor | 03 – 8891 4795 | shaikhali@kpkt.gov.my |
| Encik Rahmad bin Haron | 03 – 8891 4796 | rahmad@kpkt.gov.my |
| Puan Anaseri binti Zulkifli | 03 – 8891 4790 | anaseri@kpkt.gov.my |

2.9 Alamat penghantaran permohonan **secara pos berdaftar / serahan tangan**:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kesejahteraan Komuniti
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 15, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
**(u.p.: Cawangan Peningkatan Sosio Ekonomi)**

No. Tel : 03 – 8891 5051
No Faks : 03 – 8891 5547

***Nota : KPKT tidak akan memproses permohonan secara pos yang diterima selepas tarikh tutup permohonan.***

**Jadual 1:** Bidang-Bidang Keusahawanan di bawah Program PEKB

| Bil. | Kursus |
|---|---|
| **1.** | **Pembangunan Minda Insan (Komponen Wajib)** |
| **2.** | **Pembangunan Keusahawanan dan Celik Kewangan (Komponen Wajib)** |
| **3.** | **Bina Upaya (Pilihan Bidang Mengikut Kepakaran NGO)** |
| | **a) Servis / Pembaikan Peralatan**<br>✓ Servis Pendingin Hawa<br>✓ Servis Telefon Bimbit |
| | **b) Jahitan**<br>✓ Jahitan Langsir<br>✓ Jahitan Pakaian<br>✓ Jahitan Kreatif<br>✓ Jahitan *Alteration* |
| | **c) Makanan dan minuman**<br>✓ Bakeri<br>✓ Makanan Sejuk Beku<br>✓ Kuih Tradisional dan Moden<br>✓ Kios Makanan & Minuman<br>✓ Kios Aiskrim |
| | **d) Reka Bentuk (Designing) & Percetakan** |
| | **e) Perkhidmatan Domestik**<br>✓ Pengurusan Kediaman<br>✓ Cuci Kenderaan |
| | **f) Peruncitan dan Pemasaran**<br>✓ Peruncitan dan pemasaran (*online)*<br>✓ Peruncitan dan pemasaran (*offline*) |

| Bil. | Kursus |
|---|---|
| | **g) Pembaikan Rumah**<br>✓ Perpaipan<br>✓ Kimpalan<br>✓ Mengecat |
| | **h) Kesihatan**<br>✓ Urutan Tradisional dan Mobil Spa<br>✓ Urutan Selepas Bersalin (*Post Natal*)<br>✓ Terapi Bekam |
| | **i) Dandanan Diri**<br>✓ Rawatan dan Gunting Rambut (*Unisex*)<br>✓ Juru Andaman dan Kecantikan<br>✓ Rawatan wajah |
| | **j) Landskap Lembut dan Pemotongan Rumput** |
| | **k) *Mobile Fast Photography*** |
| | **l) Penyediaan hadiah / hamper dan cenderahati** |
| | **m) *Upcycling* / Kitar Semula (*Trash To Cash*)** |
| | **n) Asuhan kanak-kanak** |